



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

19.01.2024

❖ Pemotongan gaji eksekutif dari perspektif tadbir urus korporat

Tiada siapa dapat membayangkan dalam tempoh kira-kira tiga tahun selepas pandemik COVID-19, permodalan pasaran Top Glove Corporation Bhd (Top Glove) akan merudum hampir 90% daripada paras tertinggi RM74.03 bilion pada 13 Oktober 2020 iaitu apabila pembuat sarung tangan terbesar di dunia ini menjadi syarikat tersenarai kedua terbesar di Bursa Malaysia selepas Maybank.

Walau bagaimanapun, Top Glove tidak lama berada di puncak. Semuanya bermula dengan pelaksanaan pemberian vaksin secara besar-besaran di peringkat global, ditambah pula dengan penurunan pesat dalam kes COVID-19. Kedua-dua faktor ini memberikan tamparan hebat terhadap permintaan untuk sarung tangan sehinggakan sektor itu jatuh tersungkur. Ini dapat dilihat daripada permodalan pasaran Top Glove pada hari ini, iaitu berjumlah RM7.4 bilion.

Tidak dinafikan, Top Glove bukanlah satu-satunya syarikat yang berdepan kesulitan kewangan kerana kesemua pembuat sarung tangan Empat Teratas (*Big Four*) di bursa Malaysia iaitu Hartalega Holdings Berhad, Kossan Rubber Industries Berhad dan Supermax Corporation Bhd, turut terkesan dan menghadapi corak penurunan yang sama.

Kepimpinan melalui teladan

Di tengah-tengah pemulihan pasaran yang diunjurkan perlahan serta persaingan sengit yang disusuli perang harga (terutamanya daripada pemain sarung tangan Cina), kita memuji langkah jawatankuasa pencalonan dan imbuhan lembaga (*board nomination and remuneration committee*, BNRC) Top Glove yang mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya menerima cadangan pemotongan gaji tambahan sebanyak 15% dalam yuran pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

Mengimbas kembali ke tahun kewangan 2022, Lembaga Pengarah bersetuju dengan pemotongan sebanyak 10% dalam yuran pengarah disebabkan persekitaran perniagaan yang mencabar pascapandemik.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah sebulat suara bersetuju dengan pemotongan gaji dan pemegang saham telah meluluskan cadangan tersebut sewaktu mesyuarat agung tahunan (*annual general meeting*, AGM) pada 10 Januari 2024. Sementara itu,

yuran Jawatankuasa Lembaga Pengarah kekal tidak berubah untuk tahun kewangan 2023.

Seiring dengan semangat kepimpinan melalui teladan, pengerusi eksekutif Top Glove iaitu Tan Sri Dr Lim Wee Chai, menerima pemotongan gaji 30% yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022 sebagai tindak balas kepada prestasi kewangan syarikat yang merudum dalam tempoh yang mencabar ini.

Untuk rekod, pakej gaji Dr. Lim secara keseluruhan berjumlah RM2.72 juta, yang merangkumi gaji sebanyak RM2.27 juta ditambah faedah sampingan lain, manakala imbuhan pengarah urusan iaitu Lim Cheong Guan berjumlah RM997,000 (gaji sebanyak RM747,000 ditambah faedah sampingan lain).

“Bagaimanapun, prestasi kumpulan masih tidak memuaskan, maka TS Lim secara sukarela telah mengurangkan lagi gajinya sebanyak 20% pada tahun ini (2023),” menurut Laporan Tadbir Urus Korporat Top Glove 2023.

“Beliau turut disertai oleh kakitangan pengurusan kanan yang juga menyaksikan pemotongan gaji antara 10% hingga 20% dalam usaha membantu Top Glove mengharungi badai.”

Untuk makluman, Top Glove menutup tirai tahun kewangan 2023 dengan kerugian bersih yang ketara sebanyak RM926.64 juta daripada kedudukan untung bersih berjumlah RM222.56 juta setahun sebelumnya. Pada masa yang sama, pendapatan Kumpulan menjunam hampir 60% kepada RM2.26 bilion pada tahun kewangan 2023 daripada RM5.57 bilion setahun sebelumnya.

Berita baik, walaupun kekal mengalami kerugian pada suku pertama berakhir 30 November 2023 (tahun kewangan 2024), kerugian bersih Top Glove menyusut kepada RM57.71 juta daripada RM168.24 juta sebelum ini, meskipun pendapatannya masih 22% lebih rendah daripada tempoh yang sama sebelum ini, berjumlah RM493.46 juta (suku pertama tahun kewangan 2023: RM632.53 juta).

Melangkah ke hadapan, Top Glove berazam akan kembali meraih keuntungan menjelang tahun kewangan 2025, bersandarkan kadar penggunaan yang bertambah baik.

Langkah simbolik tetapi penting

Bukanlah sesuatu yang luar biasa untuk melihat pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*, CEO) dan pengurusan kanan memilih pemotongan gaji secara sukarela apabila prestasi kewangan syarikat terjejas teruk sewaktu krisis.

Sebagai contoh, laporan berita sebelum ini menunjukkan bahawa ketua kira-kira separuh (atau 16 CEO) daripada 30 syarikat tersenarai teratas Bursa Malaysia (mengikut permodalan pasaran) menerima imbuhan yang lebih rendah apabila wabak COVID-19 melanda pada tahun 2020.¹

¹ Cerita muka depan 2: How much did Malaysia's top guns take home in 2020? (n.d.). The Edge Malaysia. <https://theedgemaalaysia.com/article/cover-story-2-how-much-did-malaysias-top-guns-take-home-2020>

Daripada 16 CEO yang dipotong gaji, empat telah dipotong lebih 25%, lapan mengalami pemotongan lebih 10%, dua mengalami pemotongan kurang 10%, manakala hanya dua yang dipotong kurang 5%. Tahap pemotongan gaji adalah antara 0.21% dan 45.48%.

Secara umumnya, bonus lumayan yang dibayar kepada ketua adalah berdasarkan prestasi kewangan pada tahun sebelumnya, yang mana impaknya hanya akan ditunjukkan dalam penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa.

Dalam konteks pandemik COVID-19, jika seorang Ketua Pegawai Eksekutif menerima pembayaran bonus yang besar yang dikaitkan dengan prestasi syarikat pada tahun 2019, ia boleh menjejaskan reputasinya. Tindakan ini bukan sahaja gagal menunjukkan rasa belas kasihan dan empati daripada seorang ketua tetapi juga berisiko menyebabkan kerosakan reputasi yang ketara, terutamanya apabila para pekerja bergelut akibat kehilangan pendapatan dalam saat-saat yang mencabar.

Dari sudut lain, pemotongan gaji eksekutif lebih merupakan isyarat kepada orang awam dan pekerja berbanding langkah penjimatan kos bagi mengelakkan pemberhentian pekerja. Tindakan itu menunjukkan syarikat tersebut mengambil kira persepsi dan pandangan pihak-pihak berkepentingan.

Secara keseluruhan, pemotongan gaji eksekutif, walaupun sebahagian besarnya merupakan isyarat simbolik, mencerminkan akauntabiliti dalam kalangan eksekutif kanan dan mengukuhkan idea bahawa pemimpin syarikat bersedia memikul tanggungjawab terhadap prestasi mereka. Pada akhirnya, ia menunjukkan komitmen terhadap kepimpinan yang beretika, pengurusan yang bertanggungjawab serta kepentingan jangka panjang syarikat dan pemegang kepentingannya.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 22 hingga 26 Januari 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
22.01.24 (Isnin) 11.00 pagi	Homeritz Corporation Berhad (AGM)	Kumpulan beroperasi dalam ketidaktentuan ekonomi global, pada masa yang sama menghadapi peningkatan dalam kos pengeluaran serta ketidaktentuan kadar pertukaran asing. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan terus menumpukan kepada perniagaan terasnya iaitu dengan

		membangunkan produk baharu, reka bentuk baharu untuk produk sedia ada, merancang kecekapan kos yang lebih baik serta pengurusan kos yang berkesan merentas semua fungsi.
24.01.24 (Rabu) 11.00 pagi	FCW Holdings Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengambilalihan oleh Urban Reach Sdn Bhd, anak syarikat 55% milik FCW, daripada JKB Development Sdn Bhd, sebidang tanah perindustrian pegangan pajak di Setapak, Kuala Lumpur dengan balasan wang tunai berjumlah RM43.08 juta.
26.01.24 (Jumaat) 10.30 pagi	Jasa Kita Berhad (EGM)	<p>Pada 5 Oktober 2023, JKB Development Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Syarikat telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Urban Reach Sdn Bhd, untuk melupuskan sebidang tanah perindustrian pegangan pajak di Setapak dengan harga RM43.08 juta ("Tanah").</p> <p>Inilah peluang Kumpulan untuk merealisasikan nilai pelaburannya dalam Tanah. Hasil daripada pelupusan itu hendaklah diagihkan sebagai dividen khas sebanyak satu sen sesaham dan digunakan untuk memperoleh perniagaan atau aset baharu yang akan dikenal pasti kemudian.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:																			
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan																		
Homeritz Corporation Berhad (AGM)	<p><u>Prestasi Kewangan</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Financial Year End 31 August ("FYE")</th> <th>2019 RM'000</th> <th>2020 RM'000</th> <th>2021 RM'000</th> <th>2022 RM'000</th> <th>2023 RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Revenue</td> <td>147,709</td> <td>155,366</td> <td>164,903</td> <td>243,294</td> <td>162,644</td> </tr> <tr> <td>Profit before tax ("PBT")</td> <td>27,678</td> <td>30,490</td> <td>27,709</td> <td>53,650</td> <td>33,387</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>(Halaman 3, Laporan Tahunan 2023)</i></p> <p>Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan, Homeritz mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM162,644,000 pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM243,294,000 pada tahun kewangan berakhir 2022. Ini mewakili penurunan sebanyak 33.15% atau RM80,650,000 tahun ke tahun, terutamanya disebabkan oleh penurunan volum jualan.</p>	Financial Year End 31 August ("FYE")	2019 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	Revenue	147,709	155,366	164,903	243,294	162,644	Profit before tax ("PBT")	27,678	30,490	27,709	53,650	33,387
	Financial Year End 31 August ("FYE")	2019 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000													
Revenue	147,709	155,366	164,903	243,294	162,644														
Profit before tax ("PBT")	27,678	30,490	27,709	53,650	33,387														

	<p>Selaras dengan pendapatan yang lebih rendah pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM33,387,000 pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM53,650,000 pada tahun kewangan berakhir 2022. Ini mewakili penurunan sebanyak RM20,263,000 atau 37.77% tahun ke tahun.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan dalam volum jualan? Apakah cadangan Kumpulan untuk menangani situasi ini pada masa hadapan?</p> <p>b) Bagaimanakah prospek pendapatan dan perolehan sebelum cukai Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024?</p>												
<p>Jasa Kita Berhad (EGM)</p>	<p>Jadual berikut menunjukkan wang tunai yang dipegang oleh Kumpulan untuk tiga tahun kewangan yang lepas:</p> <table border="1" data-bbox="608 813 1385 994"> <thead> <tr> <th></th> <th>TK 2023</th> <th>TK 2022</th> <th>TK 2021</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Deposit dengan bank berlesen (RM)</td> <td>24,199,112</td> <td>23,532,935</td> <td>26,575,394</td> </tr> <tr> <td>Wang tunai dan baki bank (RM)</td> <td>5,748,960</td> <td>5,963,455</td> <td>5,812,110</td> </tr> </tbody> </table> <p>TK – Tahun kewangan berakhir</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan tidak menggunakan wang tunai tersebut untuk pemerolehan perniagaan atau aset baharu sepanjang tiga tahun yang lalu?</p> <p>b) Memandangkan Kumpulan memegang sejumlah tunai yang besar, mengapakah terdapat keperluan untuk memperuntukkan RM37.18 juta sebagai pertimbangan pelupusan bagi pemerolehan perniagaan atau aset baharu?</p>		TK 2023	TK 2022	TK 2021	Deposit dengan bank berlesen (RM)	24,199,112	23,532,935	26,575,394	Wang tunai dan baki bank (RM)	5,748,960	5,963,455	5,812,110
	TK 2023	TK 2022	TK 2021										
Deposit dengan bank berlesen (RM)	24,199,112	23,532,935	26,575,394										
Wang tunai dan baki bank (RM)	5,748,960	5,963,455	5,812,110										

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.